

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SBW213 - Isu-Isu Perbandaran/SBW400 - Pembangunan Bandar

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Sekiranya anda menjawab soalan 4 gunakan lampiran yang dibekalkan. Setiap soalan membawa nilai 100 markah.

1. Apakah pelan struktur? Jelaskan bagaimana orang awam dapat melibatkan diri dalam tiap-tiap fasa pelan struktur. Nilaikan tahap kejayaan penglibatan awam dari perspektif pendemokrasian proses perancangan.
2. Jelaskan kaitan proses perbandaran di negara-negara pinggir dengan proses pengumpulan modal sedunia. Apakah peranan syarikat-syarikat gergasi dalam proses ini?
3. Dalam proses perbandaran, gunatanah perindustrian dan petempatan sering kali mengambil alih kawasan-kawasan pertanian. Bincangkan perubahan-perubahan dalam Akta Tanah dan kesannya ke atas sektor pertanian dan sektor perindustrian dari perspektif pembangunan mampan.
4. Anggapkan diri anda sebagai seorang perancang bandar. Anda telah dipertanggungjawabkan untuk merancang satu kawasan perumahan tidak jauh dari bandar. Lukiskan kawasan perumahan ini dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek kesejahteraan hidup penghuni-penghuni (warga tua, keluarga muda, suri-rumah, belia, dll.). Jelaskan dengan ringkas perbezaan-perbezaan guna tanah seperti yang digambarkan.
5. Laporan Athi Nahappan telah menyarankan agar wakil-wakil kerajaan tempatan dipilih melalui satu proses pilihan raya tempatan. Bandingkan kelebihan-kelebihan dan kekurangan-kekurangan saranan seperti ini dengan sistem pemilihan wakil tempatan melalui perlantikan yang diamalkan di Malaysia.

LAMPIRAN

LAMPIRAN